

Pasaran dijangka mendarat

➔ Kebimbangan kemelut Deutsche Bank pengaruhi bursa saham global

ULASAN PASARAN

Bursa Malaysia dijangka terus diniagakan mendarat minggu ini, dengan indeks petunjuk pasaran dijangka antara 1,660 dan 1,680 mata disebabkan sentimen pasaran yang lemah, menurut Affin Hwang Investment Bank.

Naib Presiden dan Ketua Penyelidikan Runcitnya, Datuk Dr Nazri Khan Adam Khan, berkata kebimbangan mengenai kemelut Deutsche Bank akan mempengaruhi pasaran saham pada peringkat global.

"Pelabur bimbang mengenai isu kewangan yang dihadapi oleh pemberi pinjaman Jerman itu, yang didenda AS\$14 bilion (AS\$1> RM4.14) oleh Jabatan Kehakiman AS berhubung jualan sekuriti bersandarkan gadai janji," katanya.

Skandal Wells Fargo yang berpagkalan di San Francisco, dan

kesediaan Rizab Persekutuan untuk menaikkan kadar faedah akan turut memberi kesan kepada pasaran saham, katanya.

Bagaimanapun, Nazri berkata, pelabur berharap untuk menyaksikan harga minyak global terus meningkat dan memberi rangsangan kepada bursa tempatan dalam jangka masa panjang.

"Memandangkan Malaysia antara negara pengeksport minyak, sebarang berita mengenai peningkatan harga minyak akan menjadi pemangkin untuk melindungi pasaran kita," katanya.

Keputusan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) untuk menghadkan pengeluaran minyak meningkatkan harga komoditi itu, menyebabkan harga naik lebih lima peratus, katanya.

Nazri juga berkata, pelabur berharap kerajaan akan melakukan sesuatu untuk menyokong perniagaan dan memberi keyakinan kepada pelabur.

Bagi minggu baru berakhir, petunjuk pasaran FTSE Bursa Ma-



Memandangkan Malaysia antara negara pengeksport minyak, sebarang berita mengenai peningkatan harga minyak akan menjadi pemangkin untuk melindungi pasaran kita"

Nazri Khan Adam Khan,
Naib Presiden dan
Ketua Penyelidikan Runcit
Affin Hwang Investment Bank

laysia KLCI merosot 18.44 mata kepada 1,652.55 berbanding 1,670.99 pada Jumaat lalu.

Bagi asas mingguan, Indeks FBM Emas susut 122.64 mata kepada 11,687.58, Indeks FBMT 100 merosot 124.7 mata kepada 11,387.09 dan Indeks FBM Emas Syariah turun 135.54 mata kepada 12,348.18.

Mengikut sektor, Indeks Kewangan berkurangan 90.13 mata kepada 14,158.29, Indeks Perusahaan susut 34.16 mata kepada 3,110.02 dan Indeks Perladangan turun 38.24 mata kepada 7,920.10.

Jumlah dagangan mingguan naik kepada 8.3 bilion unit bernilai RM9.4 bilion daripada 8.2 bilion unit bernilai RM9.21 bilion pada Jumaat lalu.

Jumlah dagangan Pasaran Utama meningkat kepada 5.54 bilion unit bernilai RM8.91 bilion berbanding 5.14 bilion unit bernilai RM8.67 bilion pada minggu lalu.

Jumlah dagangan waran jatuh kepada 1.44 juta unit bernilai RM275.02 juta daripada 1.93 bilion unit bernilai RM359.65 juta.

Pasaran ACE naik kepada 1.29 bilion saham bernilai RM171.26 juta daripada 1.16 bilion saham bernilai RM168.48 juta.

Pasaran akan ditutup pada Isnin sempena cuti Awal Muharram.

BERNAMA